



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SELAMAT TAHUN BARU KEPADA SELURUH WARGA MALAYSIA**

Salam warga Malaysia. Masa berjalan dengan begitu cepat sekali. Selamat tinggal 2022 dan selamat datang 2023. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada seluruh warga Malaysia.

Sepanjang tahun 2022 pelbagai peristiwa yang kita telah lalui. Sebelum itu, saya mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang melantik saya sebagai Menteri KPWKM. Tidak lupa juga kepada YAB Premier yang telah memberi kepercayaan kepada saya sebagai calon P193 Santubong. Khusus kepada penduduk/pengundi di Parlimen Santubong yang juga telah memberi kepercayaan kepada saya sehingga menang dengan majoriti yang begitu besar sekali.

Apabila saya dilantik menjadi Menteri KPWKM, sudah tentu banyak cabaran. KPWKM merupakan sebuah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas seluruh masyarakat dari anak lahir sehinggalah akhir hayat manusia. Masalah dan cabaran tidak ada noktahnya. Hilang satu timbul lagi yang lain. Namun kami di Kementerian perlu kuatkan hati, tabah dan terus kuatkan semangat untuk melakukan yang terbaik demi kesejahteraan masyarakat, ada kalanya yang kita bantu bukan warga Malaysia. Mereka manusia juga yang perlukan perhatian serta tindakan kami.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan tanah runtuh di Batang Kali. *Frontliners* KPWKM bersama dengan agensi-agensi lain berganding bahu membantu, terutama sekali dari segi kaunseling. Belum berakhir lagi pencarian mangsa tanah runtuh, timbul pula bencana banjir di beberapa buah negeri. KPWKM secara aktif bekerja keras di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), juga bersama agensi-agensi lain. Kerjasama di kalangan *frontliners* dari pelbagai Kementerian memudahkan segala urusan mengendalikan mangsa banjir.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pengorbanan pegawai-pegawai kerajaan bersama dengan sukarelawan yang tidak mengira penat lelah mereka membantu menyelamatkan mereka yang terlibat. Kami turut mengucapkan takziah kepada keluarga yang kehilangan tiga orang anak yang meninggal dunia semasa banjir di Kelantan akibat renjatan elektrik.

Terdapat beberapa perkara yang memerlukan transformasi di KPWKM. Pada mesyuarat Kedua dan Ketiga Kabinet, kami telah membincangkan mengenai isu kanak-kanak yang memerlukan perhatian khusus. Ianya tidak lagi sesuai untuk ditempatkan di bawah satu Bahagian Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan. Secara prinsip, cadangan ini telah dipersetujui oleh Kabinet.

Saya akan membentangkan Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet selepas pihak pengurusan KPWKM selesai menyediakan struktur dan cadangan lengkap berhubung perkara ini.

Lebih-lebih lagi semakin meningkat kes dera dan pembunuhan kanak-kanak yang perlu tindakan lebih tegas dari sudut legislatif dan program kemasyarakatan. Di sini KPWKM akan bekerjasama dengan kementerian lain kerana perundangan dan penguatkuasaan bukan terletak di bawah KPWKM sahaja.

Saya juga dimaklumkan mengenai kadar kelahiran rendah di beberapa negeri. Walaupun Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara menyasarkan seramai 70 juta penduduk negara menjelang tahun 2100, kita akan mencari solusi dan pendekatan untuk menangani perkara ini.

Melihat kepada banyak perkara dan aktiviti di bawah KPWKM memerlukan penglibatan masyarakat, saya menggesa pihak institusi pengajian tinggi menubuhkan badan Sukarelawan, terutama sekali menubuhkan persatuan mahupun Kelab Wanita. Tujuan kita adalah untuk menggalakkan komuniti terlibat dalam membantu warga emas, OKU, kanak-kanak dan masyarakat secara keseluruhannya.

Saya juga menjemput remaja untuk menggunakan Kafeteen kita yang terletak di pelbagai lokasi di negara kita. Remaja boleh membaca, memasak dan bermain *game* di Kafeteen. Malah ada juga buat program Kaunseling di sana. Manfaatkan lah fasiliti dan kemudahan kita yang Kerajaan telah bina untuk rakyat.

Insyallah akan ada beberapa program berbentuk '*intellectual discourse*' untuk kita bersama-sama membawa kepada penambahbaikan perkhidmatan di beri oleh KPWKM.

Selamat Tahun Baru 2023. Didoakan agar tahun baru ini membawa Malaysia kepada kemajuan negara dan rakyat seterusnya. Aamiin. Terima kasih.

####

**YB DATO'SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT  
30 DISEMBER 2022**